

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: HEP - Alumni UUM
Sent: 28 Jun 2016 8:48
To: UUM - All Staff; HEP - Alumni Sintok; HEP - Alumni Indonesia
Cc: Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa B Ishak; Prof. Madya Dr. Abdul Malek B Hj Abdul Karim; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Syamsyul Anuar bin Che Mey @ Ismail
Subject: ALUMNI TOWN HALL MEETING: PERKONGSIAN IDEA ALUMNI DENGAN UNIVERSITI



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

28 JUN 2016, SELASA | 23 RAMADAN 1437H



ALUMNI TOWN HALL MEETING: PERKONGSIAN IDEA ALUMNI DENGAN UNIVERSITI

Alumni Town Hall Meeting julung-julung kalinya telah telah diadakan pada 25 Jun 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, Pusat Penginapan Pelajar (SAC). Program anjuran Pusat Alumni ini bertujuan menjana idea dan mencambah buah fikiran dalam usaha menjayakan agenda universiti melalui penglibatan alumni dalam aktiviti pelajar di Dewan Penginapan Pelajar (DPP).

Pengarah Pusat Alumni, Encik Syamsyul Anuar Ismail bertindak sebagai pemudah cara bagi program ini. Antara panel yang mengambil diri dalam program tersebut ialah Encik Azrinizam Ibrahim dan Encik Mohd. Nizam Morad, Naib Presiden Persatuan Alumni UUM (PAUUM). Program ini turut membuka ruang kepada tetamu yang hadir untuk berkongsi idea dan pengalaman bersama-sama ahli panel mengenai topik yang diutarakan. Di akhir program Encik Syamsyul merumuskan bahawa idea-idea yang terhasil akan dijadikan sebagai bahan perbincangan *road tour* Pusat Alumni di setiap negeri. Beliau juga berharap idea-idea alumni yang terhasil dapat membantu UUM mencapai universiti bertaraf dunia.

Program ini turut dihadiri oleh Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Dr. Dino Khairri Sharifuddin, Pengetua-Pengetua DPP, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Pembangunan Siswa DPP dan alumni UUM. Pada akhir program ini, tetamu yang hadir turut sama menjayakan majlis berbuka puasa.

Pusat Alumni
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Universiti Utara Malaysia
Tel: 04 – 928 4035/4036/4037
Faks: 04 – 928 4016/4081
Emel: alumniuum@uum.edu.my
Laman Web: www.alumni.uum.edu.my
Facebook: Alumni Universiti Utara Malaysia (Original)
Twitter: @AlumniCentreUUM
Instagram: AlumniCentreUUM

